

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Untuk perhatian pembaca-pembaca terutamanya di ibu kota Persekutuan Tanah Melayu, molek benar memerhatikan citra yang tersebut di bawah ini yang berlaku zaman Khalifah Hārūn al-Rashīd. Citranya kita kutip daripada buku cerita-cerita sejarah buku pertama keluaran Qalam – harganya \$1.00 senaskhah, seperti berikut:

Pada suatu ketika Khalifah Hārūn al-Rashīd datang ke Makkah hendak menunaikan fardhu haji. Apabila baginda hendak melakukan tawaf maka baginda mengeluarkan perintah supaya jangan ada seorang pun yang tawaf bersama-sama dengannya.

Sesudah perintah itu dikeluarkan maka orang-orang pun tidak dibenarkan berada di situ lagi. Tempat itu telah jadi senyap sunyi. Akan tetapi sebelum Hārūn al-Rashīd memulai tawaf, seorang Badwi telah mendahuluinya.

Melihat ini Hārūn al-Rashīd marah dan baginda memerintahkan pengawal-pengawalnya menghalau orang yang sedang tawaf mendahuluinya itu.

Apabila orang Badwi itu diperingatkan bahawa pada saat itu tidak dibenarkan seorang pun tawaf kerana khalifah hendak melakukan tawaf maka Badwi itu berkata:

“Tempat ini tidak boleh diborong atau dikhaskan kepada sesiapa pun pada bila-bila masa jua. Tempat ini hendaklah sentiasa terbuka kepada hamba-hamba Tuhan yang hendak beribadat.

Apakala Hārūn al-Rashīd mendengar jawapan yang tepat ini maka iapun diam dan menegah pengawalnya menghalau Badwi yang keras mempertahankan hak persamaan yang dikurniakan Tuhan kepada tiap-tiap hamba-Nya.

Apa-apa jua yang hendak dikerjakan oleh Hārūn al-Rashīd semuanya didahului oleh Badwi itu dan apabila selesai mengerjakan sembahyang sesudah tawaf dan lain-lainnya maka akhirnya Hārūn al-Rashīd datang menjumpai Badwi itu. Sesudah memberi salam dan bersalam-salaman, Hārūn al-Rashīd berkata: “Hai saudara Arab, bolehkah saya duduk dengan tuan di sini?”

Perkataan Hārūn al-Rashīd itu dijawab dengan tegas oleh Badwi itu dengan katanya: “Rumah ini bukan rumah saya. Rumah ini rumah Allah. Semua kita di dalamnya bersamaan.”

Demikianlah sebahagian cerita Hārūn al-Rashīd dengan Badwi di Makkah itu. Cerita ini mustahak diperhatikan oleh orang-orang di Persekutuan Tanah Melayu, terutamanya oleh Jawatankuasa Masjid Jamek Kuala Lumpur yang diberitakan telah meminta orang-orang yang dahulu datang, yang duduk di hadapan berpindah daripada tempatnya kerana tempat itu dikhaskan bagi orang-orang yang tertentu padahal masjid itu rumah Allah – tidak ada monopoli di dalamnya.

\* \* \*

En. Sa’don Haji Zubir Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya tatkala berucap di Melaka baharu-baharu

ini menyatakan bahawa cabar-mencabar dan cerca-mencerca yang mengikut dasar-dasar demokrasi. Ini betul En. Sa'don, bukannya sahaja dasar demokrasi tidak gemar kepada cerca-mencerca dan cabar-mencabar tetapi juga lebih-lebih lagi agama Islam. Kerana itu nasihat ini wajib diikuti terutamanya oleh pengikut-pengikut En. Sa'don sendiri kerana sesuatu ucapan dan seruan seperti itu tidak berkesan melainkan orang-orang awak batang tubuh sesuatu calon bukanlah cara pilihanraya sendiri mengikutinya.

\* \* \*

Pada hari ucapan En. Sa'don itu tersiar, tersiar pula suatu ucapan En. Hermat Rafi'i wakil Pemuda UMNO dari Kuala Langat yang berucap seakan-akan kita mendengar orang-orang Partai Komunis di Indonesia berucap menentang Parti Islam. Ia dikatakan menyatakan bahawa jika calon-calon PAS itu dilantik, maka Majlis Negeri ini akan menjadi "madrasah atau suarau"<sup>1</sup>. *Masyā Allah!* Apakah kerana pertentangan politik, maka orang-orang Islam umumnya dihina? Adakah orang-orang berpendapat bahawa orang Islam itu hanya tahu mengajar muqaddam dan sembahyang sahaja? Adakah pertadbiran<sup>2</sup> negeri hanya akan dimonopoli oleh sesuatu golongan yang memandang hina kepada orang yang bergerak di dalam agamanya dan mengikut seruan agamanya? *Masyā Allah* bung! Sekali lagi *Masyā Allah!*

Dato' Onn dalam kempen pilihanraya sekarang semakin jelas menegakkan perdiriannya<sup>3</sup> bahawa rupa bangsa yang dikehendaknya ialah Melayu. Ketegasan ini didatangkan olehnya sesudah keadaan jauh berubah padahal jika sekiranya ia tegas berperdirian seperti ini untuk menegakkan rupa bangsa Melayu dahulu, dalam masa ia masih

disayangi oleh orang-orang Melayu sudah tentunya cita-citanya berjaya! Apakah usahanya akan berjaya – Masing-masing kita lihat! Begitulah keadaannya kalau pemimpin tidak lekas menyedari akan seruan-seruan orang luar Dato'.

\* \* \*

Dalam keadaan hampir-hampir tiba masanya pilihanraya maka timbullah berbagai-bagai ragam parti-parti – tuduh-menuduh dan bongkar-membongkar rahsia untuk menjatuhkan parti lawan. Bukan itu sahaja tetapi kerana mencari kerusi lembut, maka di dalam parti itu sendiri telah timbul perbuatan dan kerananya lawan-berlawan berlaku di dalam merebut kerusi lembut ini. Dengan keadaan ini tidak lagi yang diutamakan tenaga ahli tetapi yang hanya diutamakan ialah keperluan diri sendiri. Kalau sudah sifat ini ada akhirnya kelak bagaimanakah ia akan dapat mempertahankan kewajibannya kepada rakyat yang memilihnya? Sebab itu fikir-fikir bung kalau mau mengundi!

PETIR dalam kempen pilihanrayanya telah menunjukkan belangnya dengan membidas akhbar-akhbar tempatan – mengatakan bahawa berita-berita PETIR hanya sedikit dan kecil-kecil sahaja dikeluarkan padahal lain-lain parti, besar-besar. Yang sebenarnya ialah akhbar-akhbar ini mengeluarkan terus-menerus berita-berita itu dengan tidak pilih bulu. Orang-orang menyangka harus PETIR mau jangan ada lain-lain berita – berita-berita yang dikeluarkan hanya berita PETIR sahaja. Dengan ini nyata dan terang maksudnya kelak bila mereka berusaha akhbar-akhbar – ertinya kebebasan memberi fikiran habis. Apakah cara ini tidak cara komunis? – orang bertanya.

Bagaimana Bung Lee Kuan Yew?!

\* \* \*

Tuan Chew Sew Kee Menteri Pelajaran Singapura meletakkan jawatannya kerana perkara penerimaan wang setengah

<sup>1</sup> surau

<sup>2</sup> pentadbiran

<sup>3</sup> perdiriannya

juta terbongkar rahsiannya. Ia berhenti! Adakah dengan hanya berhenti itu habis perkaranya? Halnya sedang disiasat bung!

\* \* \*

Dalam penyiasatan mengenai rahsia fail di dalam Jabatan Cukai Pendapatan, Tuan Veron yang baharu bersara dan sedang menjalankan cutinya, telah menyatakan bahawa ia tahu dari seorang yang menamakan dirinya *Stone*.

Orang-orang terfikir-fikir dan tertanya-tanya bagaimana seorang yang tidak kenal dan / atau tidak pernah kenal-mengenal dengannya boleh memberi satu rahsia seseorang? Orang garu-garu kepala dalam hal ini? Juga orang garu kepala bagaimana seorang pegawai yang masih di dalam cuti menyiarkan berita-berita rahsia dari kerajaan? Orang terus bertanya dan tertanya-tanya sehingga kelak selesai peperiksaan suruhanjaya dalam perkara ini.

\* \* \*

Apakah biang keladi bongkar-membongkar rahsia itu? Jawabnya orang ramai tahu sendiri – cuba buruk memburukkan parti masing-masing supaya dipercayai orang ramai. Orang-orang seperti ini sebenarnya telah lupa bahawa kelak sesiapa yang menggali lubang ia sendiri akan termasuk di dalamnya – Hati-hati bung!

\* \* \*

Apabila masa pilihanraya di Singapura telah mulai maka di dalam UMNO Singapura telah timbul perbalahan sesama sendiri. Perbalahan itu nampaknya merebak sehingga keputusan diambil untuk memecat Yang di-Pertua UMNO Singapura sendiri, Dato' Abdul Hamid bin Haji Jumat – nampaknya di dalam cara berfikir ahli-ahli jawatankuasa UMNO yang banyak di dalamnya orang-orang yang muda-muda tidak berfikiran jauh untuk mencari jalan berulur bertarik di dalam mengenai kedudukan mereka. Hal ini

didukacitakan oleh orang-orang awam Melayu kerana perpecahan sesama sendiri mereka kelak akan memecahkan suara undian orang-orang Melayu – yang akhirnya ditakuti tidak ada parti Melayu kelak yang akan duduk di Majlis Undangan Singapura. Kesannya hal ini sangat besar. Perebutan kerusi sesama sendiri mustahak dijauhan kerana yang demikian merugikan.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman telah meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri di Persekutuan Tanah Melayu kerana menumpukan perhatiannya di dalam pilihanraya yang akan datang. Tempatnya dijawat oleh Dato' Abdul Razak bin Hussein. Sebenarnya tempat ini adalah munasabah dipegang oleh Dato' Abdul Razak dengan sifatnya tidak banyak meleweh – di luar batasnya Tengku menumpukan perhatiannya di dalam pilihanraya ini kerana harus beliau telah melihat bahawa cara bekerja

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap

**Muhammad**

*ṣallā Allahu 'alayhi wasallam*

Sejarah ringkas

Disusun oleh Edrus. Sejarah

ringkas junjungan kita Muhammad (*ṣallā Allahu 'alayhi wasallam*) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

**Senaskhah \$1.20**

**Pos 10 sen.**

Perikatan (khususnya UMNO) pada masa-masa yang lalu telah banyak salah langkah – tidak dapat menyatu padukan suara orang-orang Melayu – Tengku dikatakan masih banyak, terlalu banyak, memberi kelebihan kepada orang-orang yang bukan Melayu untuk mendapat suara dari orang-orang yang bukan Melayu. Hal ini dengan sendirinya menimbulkan “kurang senang” di dalam golongan UMNO sendiri – dan inilah perkara-perkara yang selalu membangkitkan perasaan berpecah-pecah disebabkan Tengku sendiri tidak mau menyelidik, mendalam dan menyasat perasaan orang Melayu. Sebagai ketua sepatutnya ia mengambil tahu perasaan dan kemahuan mereka-mereka yang dipimpinya – tidak mengikut rasa dan perasaannya sendiri kerana jika diikuti rasa dan perasaan sendiri sahaja kelak akan mendapat sesal kesudahannya. Mudah-mudahan Tengku beringat-ingat di dalam langkahnya!

\* \* \*

Dalam kempen pilihanraya di Persekutuan sekarang, nampaknya pihak Perikatan selalu menepuk dada bahawa kalau pemerintah Malaya masa akan datang bukan orang Perikatan maka segala rancangan kebaikan bagi rakyat Malaya akan binasa – mereka akan tidak tahu mentadbir negeri. Sifat ini dipandang oleh lain-lain parti sebagai menepuk dada. Hal seperti ini sebenarnya tidak baik kerana dalam masa pemerintahan yang ada berjalan sekarang “kemakmuran” rakyat belum lagi didapati – rakyat masih gelisah dan payah hidup. Hal ini dapat dilihat dengan nyatanya apabila kita berjalan di seluruh Tanah Melayu. Sebaik-baiknya di dalam kempen ini jangan banyak menepuk dada apalagi di dalam golongan kita sendiri banyak ada orang-orang yang boleh dibidas orang kerana kelakuan dan perangainya.

Dalam masa Ho Chi Minh, melawat ke Indonesia maka orang-orang Indonesia gempar apabila orang tua itu tatkala memberi kehormatan kepada wanita-wanita mencium pipi wanita-wanita yang bertemu dengannya, barangkali berperasaan seperti bapa mencium pipi wanita-wanita di hadapan ramai. Pada Ho ini tentunya sebagai kehormatan tetapi bagi orang-orang Islam Indonesia memandang sebagai kecerobohan. Pada saat ciuman itu dilakukan, dikatakan, Presiden Sukarno tersengih sahaja. Harus ia memerhati cara ciuman itu sebab barangkali kelak akan meniru pula cara ini sebagai contoh “ciuman kasih” di antara bapa dengan anak. Kalau terjadi begini sih berapi – kata orang Jakarta.

\* \* \*

Sesudah menuntut supaya kuasa presiden di Indonesia seperti keadaannya pada tahun 1945 iaitu ertinya Presiden berkuasa penuh di dalam melaksanakan apa jua kehendaknya atas rakyat Indonesia ia terus berangkat mengelilingi dunia selama dua bulan. Orang-orang hairan dan tertanya-tanya bagaimana Presiden sesebuah negara boleh bersenang-senang diri berangkat ke luar negeri pada hal di mana-mana di seluruh Indonesia keadaan tidak cukup aman? Di sana sini rakyat mengeluh dan menderita sedang Presiden makan angin menggunakan wang rakyat. Sungguh menyedihkan bung! Hal ini harus disedari oleh bangsa Indonesia sendiri. Adakah pemergian Presiden dalam masa seperti ini keadaannya seperti orang “buang tabiat” – *Wa Allāhu a'lam*, bung!